

Kelantan dilanda banjir

KOTA BHARU 24 Dis. - Banjir mula melanda negeri ini hari ini menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air dengan 100 keluarga di beberapa daerah dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan.

Kesemua mangsa dipindahkan ke lapan buah pusat pemindahan iaitu masing-masing di Kuala Krai, Pasir Mas, Pasir Puteh, Machang dan Kota Bharu dengan melibatkan 395 mangsa secara keseluruhannya.

Di **Rantau Panjang**, lebih 150 orang daripada 40 keluarga di tiga buah kampung dekat sini terputus hubungan dan terperangkap selepas jalan raya yang menghubungkan mereka dengan kampung lain ditenggelami air.

Pegawai Operasi Banjir Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Rantau Panjang, Mohd. Rahimi Mat Lazim berkata, kampung yang terlibat ialah Kampung Putat Tujuh, Kampung Kubang Kuau dan Kampung Kuin Merah.

Menurutnya, tiga batang jalan yang menghubungkan kesemua kampung berkenaan ditenggelami air menyebabkan mereka terkandas dan tidak dapat keluar untuk mendapatkan barang keperluan.

Di **Kuala Krai**, 68 keluarga melibatkan 261 orang dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Telekong manakala di Pasir Puteh seramai 50 orang daripada 12 keluarga ditempatkan di SK Awang dan SK Kamil I.

Di **Pasir Mas** pula, 49 orang daripada 11 keluarga dipindahkan ke dua buah pusat pemindahan masing-masing di Madrasah Haji Daud dan Sekolah Kebangsaan (SK) Baroh Pial.

Sementara itu di **Kota Bharu** dan **Machang**, sebanyak sembilan keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan masing-masing di SK Tiong, Pejabat Penggawa Daerah Peringat dan Madrasah Sungai Mas.